

Kaedah Kritikan Untuk Memperkasa Pelajar Dengan Kemahiran Penulisan Karangan.

Noor Haida Mohd Jakaria

noor_haida_mohd_jakaria@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Chongzheng
Pusat Bahasa Melayu Singapura

Abstrak

Analisis rambang ke atas hasil karangan 50% murid Darjah 5 dalam ujian karangan SA2 2013 menunjukkan bahawa pengolahan karangan para pelajar menerusi teknik BBADAMS terlalu mekanikal. Pelajar setakat menjawab soalan berpandukan BBADAMS untuk mengolah karangan mereka tetapi gagal menggunakannya secara kritis bagi menghasilkan karangan yang bermutu. Menyusuli dapatan ini, satu Kajian Pengajaran telah dijalankan pada tahun 2014. Seramai 25 orang pelajar Darjah 6 berkebolehan tinggi terlibat dalam kajian ini. Tujuan Kajian yang berlandaskan teori *Self Regulated Learning* ini ialah untuk memperkasa pelajar untuk mengkritik karangan. Hasil Kajian Pengajaran ini menunjukkan bahawa 55.7% kritikan dalam bentuk soalan yang diajukan oleh murid berupa kritikan yang mampu menambah mutu karangan. Dalam tinjauan pascakajian pengajaran pula, 32% murid mengatakan yang mereka telah pelajari cara untuk mengkritik karangan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid yang dibekalkan dengan kemahiran mengkritik karangan mampu mengkritik karangan secara sendiri untuk menghasilkan karangan yang bermutu.

Kata Kunci

Kaedah Kritikan, Penulisan Karangan, BBADAMS

BIODATA :

Cikgu Noor Haida Binte Mohd Jakaria telah berkhidmat dalam bidang pendidikan selama 20 tahun. Beliau kini mengajar di Sekolah Rendah Chongzheng. Berkelulusan Sijil Pendidikan dari Institut Pendidikan Singapura (Pengkhususan Bahasa Melayu) pada tahun 1991 dan Sarjana Pendidikan (Pengkhususan dalam Perkembangan Kognitif) dari Universiti Teknologi Nanyang pada tahun 2013. Cikgu Noor Haida minat dalam bidang penyelidikan bagi pembelajaran kanak-kanak. Sejauh ini, beliau telah menjalankan lima buah kajian dalam bidang pembelajaran

murid bersama-sama guru-guru sejabatannya. Beliau juga telah berkongsi kertas kajiannya di dalam dan di luar sekolah.

Pengenalan

Pembelajaran karangan telah melalui proses peningkatan. Pembelajaran secara konvensional telah diambil alih oleh pembelajaran eksplisit di mana pembelajaran berpusat kepada murid sementara guru bertindak sebagai fasilitator. Proses kritikan rakan sebaya dilihat sebagai satu cara untuk memperkasa murid dalam penulisan karangan secara sendiri. Dalam proses pembelajaran ini, murid bertindak sebagai 'guru' kepada rakan-rakan mereka sementara guru bertindak sebagai pemerhati dan fasilitator sahaja. Strategi kritikan rakan sebaya merupakan salah satu penambah nilai dalam proses pembelajaran dan pengajaran penulisan karangan untuk melahirkan pelajar yang kritis serta berdikari. Membekalkan murid dengan kemahiran mengkritik juga sesuai dengan matlamat pendidikan di Singapura yang menekankan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar.

Penyataan Masalah

Sejak berada di Darjah 4, murid-murid telah diajar teknik mengolah karangan menerusi strategi pengolahan yang dinamakan *BBADAMS*. *BBADAMS* merupakan singkatan bagi kata tanya '*Bila*', '*Bagaimana*', '*Apa*', '*Di mana*', '*Apakah*', '*Mengapa*' dan '*Siapa*'. Murid-murid telah diajar secara eksplisit penggunaan *BBADAMS* dengan harapan mereka dapat menghasilkan penulisan karangan bermutu secara sendiri. Mereka juga telah diajar mengenal pasti penggunaan *BBADAMS* di dalam penulisan karangan mereka serta rakan mereka. Penelitian hasil penulisan karangan murid secara tekal menunjukkan kemampuan mereka yang memberangsangkan dalam menggunakan strategi pengolahan ini. Namun, penelitian lanjut mendapati bahawa penggunaan *BBADAMS* yang sedia ada terlalu mekanikal dan kurang berkesan untuk melahirkan penulis yang dapat berfikir secara kritis. Menyusuli dapatan itu, satu kajian pengajaran dijalankan bagi meningkatkan keberkesanan penggunaan *BBADAMS*. Peningkatan tersebut diharapkan dapat melahirkan penulis yang lebih kritis dan mampu menghasilkan penulisan karangan yang lebih bermutu.

Tujuan Kajian

Fokus Kajian Pengajaran ini ialah meningkatkan kemampuan murid mengkritik penulisan karangan rakan sebaya dan memperbaiki mutu penulisan karangan berdasarkan kritikan yang diterima. Fokus kritikan dalam kajian pengajaran ini ialah kritikan yang berpandukan soalan '*Bagaimana*' dan '*Mengapa*' kerana murid didapati kurang mahir dalam mengolah plot karangan yang menerangkan '*bagaimana*' dan '*mengapa*'. Soalan-soalan '*siapa*', '*di mana*' dan '*apa*' telah pun dikuasai murid. Tambahan pula, soalan-soalan '*bagaimana*' dan '*mengapa*' dapat dikaitkan dengan '*apa*' yang merujuk kepada perbuatan. Soalan '*bagaimana*' dan '*apakah*' pula mempunyai keseirasan dalam penggunaannya.

Protokol kritikan yang digunakan oleh Ron Berger menjadi panduan bagi guru melakarkan proses mengkritik. Peraturan yang ditekankan ialah Kesantunan bahasa, Kritikan yang khusus lagi tepat serta kritikan yang membina. Kesantunan bahasa bertujuan mengelakkan rasa terancam pada diri penerima kritik. Kritikan yang khusus lagi tepat dan membina bermaksud kritikan yang dapat membantu rakan menambah mutu penulisan karangan mereka. Kajian Pengajaran ini bertujuan menjawab dua persoalan utama berikut:

1. Adakah murid mampu mengkritik karangan rakan mereka menggunakan 'Bagaimana' dan 'Mengapa'?
2. Adakah murid mampu memperbaiki mutu karangan mereka berdasarkan kritikan yang diperoleh?

Kajian Literatur

Sebilangan besar kajian Literatur merumuskan keberkesanan kritikan rakan sebaya dalam membantu penulis menghasilkan karangan yang bermutu. Mendoca dan Johnson(1994) mendapati bahawa penulis menggunakan kritikan rakan mereka secara efektif dalam penulisan karangan mereka. Dalam kajian mereka ke atas 12 orang murid yang mengambil mata pelajaran Inggeris sebagai bahasa kedua , Mendoca dan Johnson dapati bahawa 53% daripada penambahan nilai pada hasil penulisan karangan dibuat setelah menerima kritikan rakan sebaya.

Dapatan ini disokong oleh Holt (1992) dalam kajiannya terhadap beberapa strategi kritikan. Holt merumuskan bahawa murid yang diajar untuk mengkritik karangan mereka serta karangan rakan mereka menunjukkan kelakonan yang lebih baik berbanding dengan penulisan karangan di bawah bimbingan guru.

Kekuatan kritikan untuk meningkatkan kemampuan murid dirumuskan dalam kajian Karegianes, Pascarella & Pflaum(1980) ke atas kemampuan mengarang 10 orang murid Tahap Rendah. Karegianes dan rakan-rakan dapati bahawa keberkesanan kritikan rakan sebaya setara walaupun tidak melebihi keberkesanan penilaian guru untuk membantu murid memperbaiki mutu penulisan karangan mereka. Dalam kajiannya yang dijalankan ke atas 49 murid tahun kesepuluh, Karegianes dan rakan-rakan dapati bahawa kumpulan yang melalui pembaikan menerusi kritikan rakan sebaya mencatatkan kesahihan $p < 0.05$.

Dari sudut pandangan murid pula, proses pembelajaran menerusi kritikan rakan sebaya memberikan kepuasan pada murid. Dalam artikelnya, *The Writing Workshop: An Experiment in Peer Response to Writing*, Crowhurst(1979) mendapati bahawa murid yang melalui program penulisan di mana penilaian rakan dijalankan menyuarakan kepuasan dan penambah nilai dalam penulisan karangan mereka. Menerusi sesi maklum balas, 17 daripada murid dalam kajian itu mengatakan bahawa maklum balas rakan dalam penulisan membantu mereka menulis karangan yang lebih baik dan panjang serta membantu mereka memilih

kosakata yang lebih tepat. Mereka menambah bahawa mereka pelajari kesalahan mereka menerusi maklum balas rakan. (Crowhurst, 1979).

Dapatan kajian literatur telah menunjukkan keberkesanan kritikan rakan dalam menambah nilai penulisan karangan. Kajian pengajian ini dijalankan dengan mengambil kira kajian-kajian tersebut.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian Pengajaran telah digunakan untuk kajian ini. Kajian pengajaran membolehkan guru menilai proses pemikiran murid dalam menyelesaikan tugas menerusi interaksi lisan dan penilaian penulisan murid. Masa yang diperuntukkan untuk kajian pengajaran ini ialah 60 minit. Strategi kritikan rakan sebaya yang berpandukan '*Bagaimana*' dan '*Mengapa*' digunakan. Kedua-dua kata tanya ini dipilih kerana murid didapati lemah dalam mengolah karangan menggunakannya. Proses pembelajaran yang dijalankan ialah pembelajaran eksplisit yang didukung oleh teori Self Regulated Learning. Ia merangkumi aspek modeling oleh guru, aplikasi dan evaluasi oleh murid. Murid yang terlibat dalam kajian ini telah diajar fungsi setiap kata tanya dan cara mengaplikasinya dalam penulisan karangan mereka.

Responden

Seramai 25 orang murid Darjah 6 Tahap Tinggi terlibat dalam kajian ini. Mereka merupakan 40% murid yang terbaik dalam penulisan karangan dan kelakonan keseluruhan dalam Bahasa Melayu SA2 bagi darjah 5 2013. Namun, murid-murid ini berbeza dari segi profil kognitif berdasarkan pencapaian mereka dalam pembelajaran di sekolah.


Prosedur Kajian

Prosedur Kajian terbahagi kepada 3 bahagian berikut:

- (i) Persiapan pra-kajian pengajaran
- (ii) Proses kajian pengajaran
- (iii) Proses penilaian keberkesanan kajian pengajaran

Perincian tentang prosedur kajian pengajian tertera di Rajah 1

Rajah 1: Persiapan prakajian



(i) Persiapan pra-kajian pengajaran

Persediaan pengajaran bermula dengan penyediaan bahan pengajaran. Dua kriteria diambil kira dalam menyediakan bahan pengajaran iaitu kemampuan murid dari segi kognitif dan nilai tarikan bahan. Langkah demikian diambil untuk mengelakkan sebarang pemboleh ubah ekstraneous dalam kajian. Para pelajar menjalani aktiviti pengukuhan pengolahan karangan menerusi *BBADAMS* dengan penekanan pada '*Bagaimana*' dan '*Mengapa*'. Mereka juga diperkenalkan kepada cara mengkritik dengan beretika menerusi pemodelan oleh guru. Kesantunan bahasa ketika mengkritik ditekankan juga. Murid mengaplikasikan apa yang dipelajari menerusi kritikan karangan yang disediakan oleh guru. Dalam kumpulan berlima, murid menyediakan draf 1 karangan berkumpulan mereka. Guru mengenal pasti seperenggan karangan setiap kumpulan untuk dijadikan bahan bagi aktiviti mengkritik sewaktu aktiviti kajian pengajaran dijalankan.

(ii) Proses kajian pengajaran

Peranan guru dalam proses kajian pengajaran ini adalah selaku fasilitator. Guru hanya memantau kelancaran pembelajaran murid dan memberikan arahan bagi aktiviti-aktiviti pembelajaran. Bagi set induksi, guru mengarahkan pelajar untuk menonton klip video dan mencerakinkan kandungan klip video itu menggunakan *BBADAMS* dengan penekanan pada '*Bagaimana*' dan '*Mengapa*'. Menyusuli aktiviti itu, murid berbincang dapatan mereka dengan rakan-rakan sekumpulan mereka. Setelah itu beberapa kumpulan diminta berkongsi dapatan mereka kepada seluruh

kelas. Fokus perkongsian ialah pencerakinan klip video menerusi '*Bagaimana*' dan '*Mengapa*'. Perbincangan mengenai dapatan murid dijalankan dengan guru sebagai fasilitator. Guru mengajukan soalan sekiranya perlu. Ini bagi menggalakkan murid memikirkan semula dapatan mereka supaya pemahaman murid yang salah dapat diperbetulkan.

Seterusnya, guru mengarahkan murid untuk mengkritik draf1 karangan dari kumpulan yang lain menggunakan '*bagaimana*' dan '*Mengapa*'. Aktiviti ini dijalankan menerusi lintasan galeri.

Kemudian setiap kumpulan mendapatkan semula draf 1 kumpulan mereka. Guru mengarahkan murid untuk meneliti kritikan rakan-rakan mereka dan menggunakan kritikan itu untuk memperbaiki draf 2 kumpulan mereka. Perbincangan untuk menilai kesesuaian kritikan-kritikan yang diterima dijalankan sebelum murid menulis draf 2 karangan kumpulan mereka.

(iii) Proses penilaian keberkesanan kajian pengajian

Di akhir pembelajaran, sesi kolokium dijalankan untuk menilai dapatan kajian. Guru-guru yang terlibat dalam perancangan dan pengendalian pembelajaran serta guru-guru pemantau menghadiri sesi kolokium yang dipengerusikan oleh guru pakar. Selain daripada itu, pasukan kajian pengajian juga mengumpul semua data untuk dianalisis agar dapat menilai tahap keberkesanan kajian pengajaran.

Data dan Instrumen

Data untuk menjawab soalan 1 dan 2 diperolehi daripada kerja kumpulan dan juga dua dapatan maklum balas bertulis murid di akhir kajian pengajaran. Data kemampuan murid mengutarakan soalan jenis '*bagaimana*' dan '*mengapa*' diambil dari kerja kumpulan yang telah dikritik rakan sebaya. Data untuk menilai kemampuan murid memperbaiki karangan mereka menggunakan soalan-soalan kritikan diambil daripada kerja kumpulan draf dua. Data perbincangan murid untuk menilai proses pemahaman mereka diambil daripada catatan guru pemantau. Data maklum balas murid diambil daripada maklum balas murid di akhir pembelajaran.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Pengumpulan data dijalankan sejarus selepas sesi kolokium. Data-data yang telah dikumpul telah dianalisa untuk membantu pasukan kajian pengajaran mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pengajaran bagi memperbaiki pengajaran pada kitaran seterusnya.

1. Jenis Kritikan rakan sebaya dan Keberkesanan pembelajaran

Kemampuan kognitif murid dapat dilihat menerusi soalan yang diajukan dalam menganalisis karangan rakan. Dapatan kajian mengenai kerja kumpulan murid menunjukkan bahawa 55.7% daripada kritikan yang diberikan murid merupakan soalan yang bermutu. Soalan-soalan 'Bagaimana' dan 'Mengapa' yang berkesan diajukan kepada rakan untuk membantu rakan membuat pembaikan pada penulisan karangan mereka. Ini berbanding dengan 6.6% soalan di mana jawapannya tersirat dan 31.1% soalan di mana jawapannya sedia ada di dalam petikan karangan. Hanya 6.6% soalan yang diajukan berupa soalan remeh yang sama sekali tidak dapat menambah nilai pada mutu karangan. Dapatan terperinci tentang jenis soalan yang diajukan dapat dilihat di Jadual 1.

Jadual 1: Contoh Interaksi Murid

Jenis soalan	Jumlah	Peratusan(%)	Contoh
Soalan yang dapat membantu dalam pengolahan isi karangan yang bermutu	34	55.7	Saya ingin tahu bagaimana keadaan abang ketika ternampak ayah memegang sekotak rokok Saya ingin tahu mengapa ibu bapanya terkejut mendapat tahu dia (watak) merokok)
Soalan di mana jawapannya telah tersirat di dalam petikan karangan	4	6.6	Saya ingin tahu mengapa abang membuka pintu dengan perlahan. "Buka pintu ini sekarang sebelum ayah robhkannya! " , jerit ayahku dengan penuh kemarahan . Abang membuka pintu bilik mandi itu dengan perlahan. Abangku ternampak sekotak rokok yang berada di tangan ayah.
Soalan di mana jawapannya sudah sedia ada	19	31.1	Saya ingin tahu mengapa Atiqah membuka beg abangnya.
Soalan remeh yang tidak akan membantu dalam perkembangan plot	4	6.6	Saya ingin tahu bagaimana dia pulang dari sekolah.

**peratusan bagi setiap soalan dikira dengan jumlah keseluruhan soalan sebagai markah asas*

Menerusi perbincangan yang dijalankan, dapatan kajian mendapati bahawa, walaupun jumlah soalan bagi jawapan yang tersirat dan sedia ada merangkumi 37.7% daripada jumlah soalan yang diajukan, ia menunjukkan yang murid tahu mengenal pasti jenis isi karangan yang penting dan sesuai dengan tema karangan.

Dapatan kajian tentang kemampuan murid menganalisis dan memberikan kritikan-kritikan bernas bercanggah dengan pengalaman guru pengendali yang menjalankan aktiviti pra-kajian di mana murid-murid berupaya mengajukan kritikan-kritikan bernas. Oleh ini, menerusi perbincangan yang dijalankan, dapatan kajian mendapati faktor masa dan kebosanan sebagai hambatan bagi kelakonan murid. Aktiviti mengkritik yang dijalankan menerusi kaedah lintas galeri sebanyak lima pusingan membosankan. Tambahan pula masa yang diperuntukkan selama 10 minit untuk mengkritik setiap karangan terlalu suntuk kerana mengkritik adalah satu kemahiran tahap tinggi yang memerlukan kemampuan metakognitif dan kognitif. Untuk mengatasi pelibatan murid yang bersungguh-sungguh, dicadangkan agar aktiviti lintasan galeri dikurangkan. Untuk memastikan pelibatan murid yang bersungguh-sungguh, dicadangkan juga agar wakil setiap kumpulan menyampaikan karangan mereka secara bergilir-gilir. Murid-murid dari setiap kumpulan mendengar penyampaian rakan mereka dan memberikan kritikan bertulis sebelum bergerak ke kumpulan lain.

Dari segi interaksi lisan murid, dapatan kajian mendapati sukar menilai mutu interaksi lisan dengan berkesan memandangkan perbincangan yang dijalankan secara keseluruhannya amat perlahan. Dari itu hanya segelintir sahaja interaksi lisan murid yang berjaya didengar guru pemantau. Menerusi dapatan kajian, murid mampu menggunakan kemahiran metakognitif mereka untuk menilai keberkesanan soalan kritikan. Contoh perbincangan ini dapat dilihat di Jadual 2. Oleh itu adalah dicadangkan agar alat perakam diletakkan di setiap kumpulan supaya analisis data menerusi interaksi lisan dapat dikumpulkan dan dinilai dengan lebih berkesan.

Jadual 2: Contoh Interaksi Murid

Petikan	Respons Murid A	Respons Murid B
" Aimannn " Ayahku menyinga sehingga membuat dunia bergetar .	Mengapa... mengapa kamu katakan ayahnya menyinga?	Ok... menyinga means(bermaksud) marah. Kan kita tahu kenapa ayahnya marah. Sebab dia merokok. Jadi tak payah tanya soalan itu... sebab dalam karangan dah ada answer (jawabannya).

2. Penggunaan kritikan rakan sebaya

Menurut dapatan kajian, secara purata, setiap kumpulan mampu menggunakan dua kritikan yang diterima untuk memperbaiki karangan mereka. Pemberatan lebih kepada pengolahan isi yang berupa *mengapa*. Contoh-contoh pembaikan pada karangan yang dibuat selepas menerima kritikan rakan tertera di Jadual 3.

Jadual 3: Contohan bagi Pembaikan pada karangan Draf 2

Draf 1	Soalan	Pembaikan (Draf 2)
Ibu bapa terkejut apabila Atiqah memberitahu mereka tentang perbuatan Fariz	Mengapa kamu katakan ibu bapanya terkejut apabila Atiqah memberitahu mereka tentang perbuatan Fariz?	Ibu bapa terkejut apabila Atiqah memberitahu mereka tentang perbuatan Fariz. <i>Sudah berulang kali ibu bapa Faris menasihatinya supaya jangan merokok. Mereka tidak sangka yang Faris akan merokok.</i>
Mereka berasa kecewa terhadap Faris	Mengapa kamu katakan hati mereka hancur?	<i>Hati mereka hancur. Mereka ingatkan bahawa Faris anak yang baik.</i>
Atiqah serba- salah. Dia tidak tahu apa yang harus dia lakukan. Kening Atiqah berkerut-kerut memikirkan sesuatu. Dia tidak tahu jika dia patut patuh arahan abangnya atau memberitahu ibunya.	Saya ingin tahu mengapakah Atiqah tidak tahu jika dia patut patuh arahan abangnya atau memberitahu ibunya?	Atiqah serba- salah. Dia tidak tahu apa yang harus dia lakukan. Kening Atiqah berkerut-kerut memikirkan sesuatu. Dia tidak tahu jika dia patut patuh arahan abangnya atau memberitahu ibunya. <i>Dia takut ibu bapanya akan kecewa jika mereka tahu abangnya merokok. Namun, dia tidak mahu abangnya merokok kerana merokok akan menjejaskan tidak baik untuk kesihatan.</i>
Mereka pun suruh Faris keluar dari bilik air dengan segera.	Saya ingin tahu bagaimana mereka menyuruh Faris keluar dari bilik air dengan segera?	Mereka pun suruh Faris keluar dari bilik air dengan segera. <i>Ayah memanggil Faris dengan suara yang keras untuk mehyuruhnya keluar</i>
Mereka pun suruh Faris keluar dari bilik air dengan segera.	bagaimana keadaan Faris ketika dia keluar?	Mereka pun suruh Faris keluar dari bilik air dengan segera. <i>Faris membuka pintu bilik air perlahan-lahan. Mukanya pucat lesi kerana tahu(sedar) ayah sudah tahu tentang perbuatannya merokok.</i>

Daripada perbincangan yang dijalankan, faktor masa yang terhad dan keletihan memandangkan kajian pengajaran dijalankan selepas masa kurikulum menghambat kemampuan murid untuk mengolah sebaik mungkin. Oleh itu, dapatan kajian pengajaran menyarankan agar masa yang diperuntukkan semasa menjalankan kitaran kedua kajian pengajaran dipanjangkan dan kajian pengajaran dijalankan dalam masa kurikulum.

3. Kesantunan Bahasa Dan Pekerti

Kesantunan Bahasa dalam mengkritik penting untuk menjadikan aktiviti kritikan sesuatu yang menguntungkan. Kesantunan Bahasa sewaktu mengkritik akan memastikan murid tidak rasa terancam dengan kritikan yang diterima. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid mengamalkan kesantunan bahasa sewaktu menjalankan kritikan. Setiap kritikan dimulakan dengan ‘saya ingin tahu....’ Murid-murid juga berdisiplin dan mengamalkan kesantunan pekerti dan berbahasa sewaktu perbincangan. Mereka menghormati pandangan kawan dan mendengar pendapat kawan dengan fokus. Sebarang tidak persetujuan akan cuba diketengahkan dengan lembut. Dapatan kajian juga mendapati ada di antara murid

yang memberikan galakan kepada rakan-rakan mereka yang tidak yakin untuk memberikan pandangan mereka sewaktu aktiviti kritikan. Akibatnya, murid yang pada awal pembelajaran yang tidak yakin terus aktif memberikan pandangan sewaktu aktiviti kritikan lintasan galeri.

4. Maklum balas murid

Dapatan kajian maklum balas bertulis murid mendapati bahawa 32% orang murid mengatakan yang mereka mampu menggunakan kaedah kritikan rakan sebaya untuk mengkritik penulisan rakan sementara 68% akur akan faedah serta perilaku yang sesuai sewaktu aktiviti kerjasama. Dapatan terperinci maklum balas ini tertera di Jadual 4.

Jadual 4: Maklum Balas Murid dalam Pascakajian

PERNYATAAN	JUMALAH MURID	PERATUSAN(%)
Mampu mengkritik kerja rakan	8	32%
Pelajari bekerjasama sewaktu kerja kolaborasi	5	20%
Akur akan faedah bekerja secara kolaborasi	12	48%
Penting untuk menghormati perbezaan pendapat semasa bekerja secara kolaborasi	7	28%

5. Tahap kerjasama antara murid

Dalam kebanyakan kumpulan, ada seorang murid yang mendominasi perbincangan. Sebilangan besar murid yang mendominasi perbincangan merupakan murid golongan tahap tinggi(HP). Sebaliknya golongan murid tahap rendah(LP) lebih pasif. Tahap kerjasama hanya mula meningkat di peringkat pertengahan pembelajaran. Dapatan kajian mendapati bahawa faktor keyakinan diri menyebabkan mereka tidak melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan. Selain daripada itu di tahap awal pembelajaran, kebanyakan murid berasa tidak selesa dan mungkin terancam dengan kehadiran guru-guru pemantau, yang sebilangan besar merupakan guru-guru mata pelajaran Inggeris dan Matematik mereka. Hanya setelah berjaya mengatasi perasaan ini, baharulah mereka lebih bersedia untuk mengambil bahagian dalam perbincangan. Oleh itu dapatan kajian merumuskan bahawa murid-murid sedar akan pentingnya kerjasama. Pandangan ini dikukuhkan lagi dengan peratusan murid yang akur tentang faedah dan pentingnya kerjasama seperti yang

tertera di Jadual 4. Pandangan murid tentang keberkesanan kerjasama penting kerana menurut Vygotsky, pembelajaran berlaku apabila anggota kumpulan berinteraksi antara satu sama lain dan kaitan antara literasi dan interaksi sosial amat kompleks dan signifikan dalam pembelajaran. (Boyles & Charles, 2011) Daripada perbincangan yang dilakukan, dicadangkan supaya murid-murid diberitahu lebih awal akan kehadiran guru-guru pemantau untuk mengurangkan ketidakselesaan mereka. Selain daripada itu, dapatan kajian juga menyarankan agar guru meneliti semula dinamik kumpulan semoga setiap anggota kumpulan dapat bekerjasama dengan lebih berkesan.

Dapatan lain mengenai keberkesanan pembelajaran

Dapatan kajian mendapati bahawa aktiviti pengukuhan yang dimodel oleh guru di awal pembelajaran terlalu lama dan membosankan murid. Daripada perbincangan yang dilakukan, dicadangkan agar guru mengurangkan aktiviti pengukuhan menerusi pemodelan guru. Sebaliknya guru boleh menjalankan satu sahaja aktiviti pemodelan diikuti dengan aktiviti sendiri oleh murid memandangkan murid telah menjalani aktiviti ini sewaktu tahap pra-kajian. Rangsangan-rangsangan seperti klip video, gambar dan lakonan boleh digunakan dengan lebih meluas sewaktu proses modeling untuk menarik minat dan perhatian murid dan sekaligus mengatasi masalah kebosanan.

Saranan-Saranan Lain

Menerusi perbincangan dapatan kajian, saranan-saranan berikut diketengahkan untuk meningkatkan keberkesanan penilaian kajian pengajian yang dijalankan.

(i) pengumpulan data pencapaian murid dari segi kualiti dan kuantiti di tahap pra-kajian supaya perbandingan dengan dapatan di peringkat kajian pengajaran dari segi kekuatan dan kelemahan dapat dilakukan dengan lebih tepat; dan

(ii) menjalankan perbincangan kumpulan fokus untuk memahami respons murid dari segi respons penulisan dan juga perlakuan sewaktu aktiviti pembelajaran.

Rumusan

Kajian Pengajaran 'Kaedah Kritikan Untuk Memperkasa Pelajar Dengan Kemahiran Penulisan Karangan' membantu guru memahami proses pembelajaran murid dalam penulisan karangan. Pemahaman ini akan membantu guru memperhalus proses pengajaran bagi menambah nilai pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan.

Aktiviti perbincangan dan perkongsian serta kerjasama dalam mengendalikan kajian pengajaran ini meningkatkan pengalaman profesional guru. Menerusi aktiviti mengenal pasti masalah kajian, perancangan rancangan pengajaran serta perbincangan sebelum dan selepas kajian, guru telah memperkaya pengetahuan pedagogi guru dalam menjalankan pembelajaran penulisan karangan yang lebih efektif.

Bagi menjawab kedua-dua soalan kajian, pasukan kajian pengajaran akur akan kekurangan yang masih boleh diperbaiki dalam kemampuan murid mengkritik hasil penulisan karangan rakan-rakan mereka dan menggunakan kritikan yang diberikan ketika membuat pembaikan pada penulisan karangan mereka. Namun kemampuan yang ditunjukkan murid dalam karangan-karangan selepas kajian ini menunjukkan kemajuan dalam penulisan karangan. Kemampuan ini diterjemahkan dalam kelakonan murid dalam penulisan karangan di peringkat Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah(PSLE) tahun 2014 di mana pencapaian penulisan karangan mencatatkan 9% lebih tinggi daripada pencapaian di peringkat nasional. Pencapaian ini adalah peningkatan sebanyak 4% berbanding dengan pencapaian kohort 2013 dan merupakan pencapaian yang tertinggi jika dibandingkan dengan pencapaian komponen-komponen lain. Memandangkan pencapaian keseluruhan yang merangkumi Kertas 1 dan 2 di peringkat PSLE 2014 tidak banyak berbeza dengan 2013, dapatlah dirumuskan bahawa pencapaian karangan adalah faktor penentu bagi kestabilan pencapaian di PSLE. Ingin ditegaskan di sini bahawa pasukan kajian pengajaran akur akan pemboleh ubah ekstraneous dari segi profil kohort di peringkat nasional dengan profil subjek kajian. Pasukan kajian pengajaran juga akur akan pemboleh ubah ekstraneous dari segi tahap kepayahan dan kesesuaian kertas ujian di peringkat nasional pada tahun 2013 dan 2014.

Di peringkat sekolah pula, profil kemampuan Bahasa Melayu murid yang menjadi subjek kajian 2014 dan murid-murid yang mengambil Bahasa Melayu pada tahun 2013 tidak banyak berbeza. Kedua-dua kumpulan murid memasuki kelas Bahasa Melayu Tahap Tinggi dengan purata markah kemasukan antara 75% hingga 90%% bagi karangan dan 75% hingga 85% bagi keputusan peperiksaan Bahasa Melayu keseluruhannya. Dapatan ini menguatkan lagi rumusan yang dibuat tentang pencapaian murid di peringkat PSLE.

Oleh itu, pasukan kajian pengajaran bercadang untuk menerapkan perkara-perkara yang telah dibincangkan dengan guru pakar dan saranan-saranan yang diberikan oleh guru-guru pemantau untuk memperhalus kajian pengajaran ini. Penerapan ini diharapkan dapat menambah nilai pembelajaran dan pengajaran mengkritik karangan untuk memperkasa murid dalam penulisan karangan.

RUJUKAN

- Berger, R. (2003). *An Ethics of Excellence: Building A Culture of Craftsmanship with Students*. (1st ed.). Portsmouth, NH 03801-3912: Heinemann.
- Boyle, B., & Charles, M. (2011). "The Three Hags and Pocohontas": How Collaboration Develops Early Years Writing Skills. *Understanding collaborative writing*. 10-18.
- Crowhurst, M. (1979). The Writing Workshop: An experiment in Peer Response to Writing. *Language Arts*, 56(7), 757-762.
- Holt, M. (1992). The Value of Written Peer Criticism. *College Composition and Communication*, 43(3), 384-392.
- Jacobs, D. (2001). Disrupting understanding: The critique of writing as process. *JAC*, 21(3), 662-674.